
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKP 315 – Politik Masyarakat Majmuk

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan pandangan bahawa hubungan perkauman di dunia ini semakin merosot semenjak dan akibat peristiwa serangan pengganas ke atas menara berkembar WTC di New York, USA, pada 11 September 2001. Hujah-hujah anda hendaklah disokong oleh fakta-fakta dari sekurang-kurangnya dua buah negara yang masyarakatnya layak dikategorikan sebagai ‘majmuk’.

(100 markah)

BAHAGIAN B

2. “Pada 27 Julai, selepas merasmikan perhimpunan agung tahunan MCA, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekstremisme berdasarkan kaum di kalangan generasi muda negara kita semakin serius dan membimbangkan. Ini berbeza dengan masa lalu di mana rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum bercampur antara satu sama lain dengan bebas Kesimpulannya, rakyat Malaysia berketurunan Melayu, Cina dan India masih belum dapat hidup bersama seperti yang diharapkan. Mereka sebenarnya cuma hidup di sisi satu sama lain. Secara umum, mereka tidak begitu menggemari satu sama lain, tapi ‘menahan diri’ kerana terpaksa menerima hakikat dilahirkan di Malaysia, sebuah negara majmuk”. (Awang Sulung, *Mingguan Malaysia*, 25.08.02).

Analisakan secara kritikal pernyataan di atas.

(100 markah)

3. Sebagai langkah menyelesaikan masalah perkauman dalam masyarakat majmuk, kaedah manakah lebih baik: asimilasi perkauman atau integrasi perkauman? Sokong hujah anda dengan contoh-contoh negara yang terlibat secara langsung dengan kaedah-kaedah tersebut.

(100 markah)

4. Dengan contoh-contoh dari dunia sebenar, huraiakan masalah-masalah yang berhubung kait dengan demokrasi permuafakatan, dari segi teori dan juga pengamalannya. Adakah demokrasi permuafakatan satu kaedah yang praktikal untuk membendung konflik perkauman?

(100 markah)

5. Dengan bantuan fakta sejarah sekurang-kurangnya dari sebuah negara selain Malaysia, bincangkan peringkat-peringkat persaingan politik dalam masyarakat majmuk, menurut Rabushka dan Shepsle.

(100 markah)